

CNS3020

R GB 03-10 00206 BA016

Bah

MAHATHIR SAMBUT BAIK HASRAT PBDS MENYERTAI BN SARAWAK
Mahathir - PBDS

SUBANG, 3 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyambut baik hasrat Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) untuk menyertai semula Barisan Nasional Sarawak.

Pandangan yang dikemukakan oleh Presiden PBDS, Datuk Leo Moggie mencerminkan hasrat parti itu untuk bergabung semula sebagai komponen BN Sarawak dan ia patut diambil kira, katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di sini selepas mengucap selamat jalan kepada Mahara ja Akihito dan Maharani Michiko dari Jepun yang berlepas ke Indonesia selepas menamatkan lawatan negara selama empat hari ke Malaysia.

PBDS, parti komponen BN peringkat pusat menjadi pembangkang kepada BN Sarawak dan bertanding menentangnyapada pilihan raya negeri Sarawak baru-baru ini. Selepas pilihan raya itu, Datuk Moggie menyatakan hasrat PBDS untuk menyertai semula BN Sarawak.

Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN Pusat berkata, bagi beliau, hasrat PBDS itu adalah ikhlas dan patut diteliti. BN Pusat menyambut baik minat parti itu untuk kembali menjadi komponen BN Sarawak.

Bagaimanapun, katanya, perkara itu sebenarnya adalah pada peringkat negeri Sarawak dan terpulanglah kepada parti komponen BN negeri itu untuk membincangkannya. -- Lagi.

♥03/10/12-52MST

R GB 03-10 00133 BA017

Bah

Mahathir - PBDS 2 Kuala Lumpur

Semasa ditanya mengenai permintaan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Taib Mahmud yang juga Pengerusi BN negeri itu supaya PBDS memohon maaf secara terbuka kepada rakyat negeri itu, Datuk Seri Dr Mahathir tersenyum dan berkata: +Itu kita boleh bincangkan.+

Katanya masalah itu timbul mungkin mereka (BN3) lebih terlibat dengan keadaan setempat dan fonomena itu hanya sementara sahaja.

Apa yang penting dan yang perlu difikirkan adalah kenyataan Datuk Moggie mencerminkan pandangan pemimpin PBDS.

Datuk Moggie yang juga Menteri Kerja Raya, semalam berkata bahawa PBDS berhasrat menyertai UN negeri dan bersedia berbuat apa sahaja termasuk memohon maaf secara terbuka.

Beliau berkata hasrat PBDS itu ikhlas dan terpulanglah kepada Tan Sri Taib untuk memberi pertimbangannya. -- Bernama.

♥03/10/12-53MST